

ISU-ISU FIQH SEMASA BERKAITAN ZAKAT PERTANIAN DI MALAYSIA

Current Issues Relating to Fiqh in Agricultural Zakah in Malaysia

Nor Aini Ali¹
Luqman Abdullah²

ABSTRACT

In Malaysia, agricultural zakah is levied only on paddy and assessment of agricultural zakah is based on enactment or fatwas in the state. This article will discuss current fiqh issues in agricultural zakah according to the opinions of scholars from different schools of laws and a study on the related fatwas such as zakah rate, nisab, method of assessment, zakah on paddy subsidy and the payment of zakah. This article uses the library research method to collect data and content analysis to analyse the data. The main finding shows that the assessment of nisab of agricultural zakah (such as tonne and kilogram) needs to be done in accordance with the current price of paddy (Ringgit Malaysia). The finding also established that there are some contemporary

¹ Lecturer, Department of Shariah and Economics, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, aini@um.edu.my.

² Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, Universiti of Malaya, luqmanabdullah@um.edu.my.

scholars who allow deductions of the production cost of agriculture dan cost of living in the assessment of agricultural zakah. Third, fatwas in Malaysia have shifted from fully dependant on Shafi'i school of law to other schools of law and even to the views of contemporary scholars in issues related to agricultural zakah.

Keywords: *agricultural zakah, method of assessment, fatwa, enactment*

PENGENALAN

Zakat pertanian merupakan salah satu daripada jenis harta yang diwajibkan zakat apabila memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan oleh syarak. Di Malaysia, dari segi pengamalannya hanya padi sahaja yang dikenakan zakat pertanian iaitu berdasarkan kepada pandangan mazhab Syāfi‘ī yang merupakan mazhab rasmi dan utama di Malaysia. Manakala tanaman-tanaman lain seperti kelapa sawit, koko, getah dan buah-buahan tidak dikenakan zakat pertanian. Berdasarkan kepada amalan taksiran zakat padi di Malaysia yang diletakkan di bawah bidang kuasa negeri, maka terdapat kaedah taksiran yang berbeza antara negeri-negeri. Justeru, artikel ini ingin meneliti isu-isu fiqh semasa berkaitan zakat pertanian di Malaysia dengan meneliti pandangan sarjana Islam berkaitan zakat pertanian dan seterusnya meneliti fatwa yang berkaitan dengan zakat pertanian di Malaysia.

ISU-ISU SEMASA BERKAITAN ZAKAT PERTANIAN

Dalam kajian ini, beberapa isu utama yang berkaitan zakat pertanian akan dibincangkan iaitu syarat kewajipan zakat pertanian, penolakan kos dalam taksiran zakat pertanian, kadar zakat pertanian dan fatwa berkaitan zakat pertanian di Malaysia.

Syarat-syarat Kewajipan Zakat

1. Cukup nisab

Nisab bererti kadar minimum tertentu yang menyebabkan sesuatu harta dikenakan zakat. Terdapat dua aliran yang berbeza mengenai syarat nisab ke atas zakat pertanian. Aliran pertama yang dipelopori oleh Abū Ḥanīfah,³ tidak mensyaratkan nisab pada zakat pertanian. Beliau berpendapat bahawa banyak atau sedikitnya hasil yang tumbuh dari tanah harus dikeluarkan zakat sebanyak

³ Al-Kāsānī, ‘Alā’ al-Dīn Abī Bakr bin Mas‘ūd al-Ḥanafī, *Kitāb Badā’i‘ al-Ṣanā’i‘ fī Tartīb al-Syarā’i‘* (cet. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1986), vol. 2, 59.

sepuluh peratus. Menurut Abū Ḥanīfah, zakat tanaman tidak disyaratkan nisab kerana nas al-Quran yang bersifat umum dalam firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَنْفَقُوا مِنْ طِبَّتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا^١
لِكُمْ مِنَ الْأَرْضِ

“Wahai orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu... ”.

(Surah al-Baqarah, 2: 267)

Dalil ini menjelaskan secara umum bahawa zakat dikenakan pada hasil tanaman, iaitu sama ada banyak atau sedikit. Di samping itu, zakat tanaman diwajibkan kerana kesuburan tanah yang mengeluarkan hasil tanpa dibezakan antara hasil yang banyak atau sedikit. Walaupun terdapat hadith yang jelas tentang penetapan nisab bagi zakat pertanian iaitu lima *awsuq* tetapi bagi mazhab Ḥanafī, autoriti hadith berkenaan tidak boleh dijadikan sandaran hujah untuk mentakhsiskan nas al-Quran di atas yang bersifat umum.⁴

Walau bagaimanapun, majoriti fuqaha seperti Imam Mālik,⁵ al-Syāfi‘ī,⁶ Ibn ‘Umar, Jābir, Abū Imāmah bin Sahl, ‘Umar bin ‘Abd al-‘Azīz, Jābir bin Zayd, al-Ḥasan, ‘Atā’, Makhlūl, al-Ḥukam, al-Nakha‘ī, ahl al-Madīnah, al-Thawrī, Awzā‘ī, Ibn Abī Laylā, Abū Yūsuf dan Muḥammad,⁷ dan al-Bahūtī,⁸ bersepakat bahawa zakat tanaman diwajibkan apabila hasil tanaman mencukupi nisab iaitu lima *awsuq*. Hujah mereka adalah berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

لَيْسَ فِيهَا أَقْلَمُ مِنْ خَمْسَةِ أَوْ سَقْ صِدْقَةٍ

“Tidak wajib zakat jika kadarnya kurang daripada lima awsuq”.

(Riwayat al-Bukhārī)⁹

⁴ Al-Zuḥaylī, Wahbah, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* (Damsyiq: Dār al-Fikr, 1996), vol. 1, 254.

⁵ Mālik bin Anas, *al-Muwaṭṭa'* (Beirut: Dār al-Fikr, 1989), 148.

⁶ Al-Syāfi‘ī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Idrīs, *al-Umm* (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1993), vol. 2, 40-42.

⁷ Ibnu Qudāmah, Abū Muḥammad ‘Abd Allāh bin Aḥmad , *al-Mughnī wa al-Syarḥ al-Kabīr* (Beirut: Dār al-Fikr, 1984), vol. 2, 552–553.

⁸ Al-Bahūtī, Maṇṣūr bin Idrīs, *Kasyāf al-Qinā‘* (Lubnan: Dār Ihyā' al-Turāth al-‘Arabī, 1999), vol. 2, 271.

⁹ Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bi Syarḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Zakāh, Bāb Layṣa Fī Mā Dūna Khamsah Awsuq Ṣadaqah (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, t.t.), no. hadis 1484, 3.

Sabda Nabi SAW lagi:

لَا صِدْقَةٌ إِلَّا عَنْ ظَهُورٍ غَنِيٍّ
“Zakat hanya dibebankan ke atas bahu orang kaya”

(Riwayat Al-Hmad)¹⁰

Berdasarkan hadis di atas, zakat dikenakan kepada orang kaya dan diberikan kepada orang miskin. Jadi, pengenaan zakat kepada orang miskin akan menyebabkan bebanan kerana orang miskin perlu dibantu bukan membantu.

Dalam hadis yang lain, satu *wasaq* menyamai 60 gantang. Sabda Rasulullah SAW sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abū Sa‘īd:

الوَسْقُ سُتُونَ صَاعًا
“Satu wasaq ialah enam puluh gantang”

(Riwayat Ibn Mājah)¹¹

Menurut al-Qaraḍāwī, pandangan yang mensyaratkan nisab bagi hasil tanaman adalah lebih kuat kerana menurut beliau hakikat zakat adalah dikenakan ke atas orang yang kaya dan nisab adalah aras minimum untuk penentuan kekayaan seseorang. Oleh itu, nisab merupakan syarat bagi semua kategori harta yang dikenakan zakat.¹²

Dari segi sukatan yang digunakan dalam pengiraan zakat, para ulama telah bersepakat sukatan Madinah menjadi rujukan kerana Rasulullah SAW sendiri menganjurkan umat Islam merujuk kepada sukatan Madinah dalam menyukat dan timbangan Makkah dalam menimbang sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar, Rasulullah SAW bersabda:

الْمَكِيَالُ مَكِيَالٌ أَهْلُ الْمَدِينَةِ وَالْوَزْنُ وَزْنٌ أَهْلُ مَكَّةَ
“Sukatan ialah sukatan penduduk Madinah, sedangkan timbangan ialah timbangan penduduk Makkah”

(Riwayat al-Nasā’i)¹³

¹⁰ Ahmad bin Muhammad bin Ḥambal, *al-Musnad*, Bāb Musnad Abī Hurairah (Kaherah: Dār al-Hadīth, 1995), no. hadis 7155, 9.

¹¹ Al-Qazawaynī al-Ma‘ruf bin Ibn Mājah, Muḥammad bin Yazīd, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Zakāh, Bāb al-Wasq Sittūna Sa‘an (taḥqīq Mahmūd Muḥammad Maḥmūd Ḥasan Nassār; Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998), no. hadis 1833.

¹² Al-Qaraḍāwī, Yūsuf, *Fiqh al-Zakāh* (cet. 21, Kaherah: Maktabah Wahbah, 1994), vol. 1, 390-391.

¹³ Al-Nasā’i, *Sunan al-Nasā’i*, Kitāb al-Zakāh, Bāb Kam al-Ṣā‘ (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2002), no. hadith 2517.

Menurut al-Qaraḍāwī,¹⁴ arahan ini berdasarkan realiti bahawa penduduk Madinah terdiri daripada para petani dan ini menjadikan mereka lebih teliti dalam sukatan. Sementara penduduk Makkah pula terdiri daripada ahli-ahli perniagaan. Mereka lebih banyak menggunakan timbangan dan lebih teliti dalam bidang berkenaan.

Walau bagaimanapun dari segi aplikasinya di negara-negara Islam, sukatan Madinah ini telah dianggarkan dengan kadar yang berbeza-beza. Keadaan ini mungkin berdasarkan kebiasaan penggunaan sukatan di negara-negara berkenaan yang berbeza-beza. Sebagai contoh di Mesir, lima *awsuq* dianggarkan sebanyak 400 gantang Mesir.¹⁵ Sementara di Malaysia ia ditetapkan berbeza-beza mengikut negeri antara 358 $\frac{1}{3}$ gantang hingga 600 gantang Baghdad walaupun fatwa kebangsaan menetapkan nisab zakat padi ialah 363 gantang.¹⁶

Dalam karya-karya fiqh telah dinyatakan secara umum mengenai nilai nisab zakat tanaman sebanyak lima *awsuq* dengan nilai sukatan gantang dan cupak sebagaimana berikut:¹⁷

1 <i>wasq</i>	=	60 gantang
5 <i>awsuq</i>	=	300 gantang
1 gantang	=	4 cupak
5 <i>awsuq</i>	=	1200 cupak

Sarjana kontemporari seperti Muhammad Kamāl ‘Atiyah¹⁸ menjelaskan jumlah nisab zakat gandum ialah 50 kaylah atau 650 kilogram iaitu selepas ia dikeringkan dan dibuang kulitnya. Menurut beliau lagi, jenis bijirin yang lain boleh diqiyaskan dengan gandum.

Di Malaysia, zakat padi dikenakan apabila mencapai nisab iaitu lima *awsuq* yang mana ia ditakrifkan dengan jumlah yang berbeza-beza oleh institusi zakat negeri-negeri antara 358 $\frac{1}{3}$ gantang hingga 600 gantang Baghdad.¹⁹

¹⁴ Al-Qaraḍāwī, Yūsuf, *Fiqh al-Zakāh*, 393.

¹⁵ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 257.

¹⁶ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ‘Sistem Metrik dalam Urusan Zakat,’ http://www.e-fatwa.gov.my/jakim/keputusan_view.asp?keyID=18, 10 Disember 2012.

¹⁷ Al-Khaṭīb al-Syarbīnī, Syams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khaṭīb, *Mughnī al-Muḥtāj* (Lubnan: Dār al-Ma‘arifah, 1997), vol. 1, 566.

¹⁸ ‘Atiyah, Muhammad Kamāl, *Perakaunan Zakat: Teori dan Praktis* (terj. Mohd Nor Ngah; Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 27.

¹⁹ Penetapan jumlah nisab zakat padi negeri-negeri di Malaysia adalah berdasarkan peruntukan enakmen dalam undang-undang atau fatwa negeri berkenaan.

Penggunaan gantang pula pelbagai iaitu gantang Malaysia, gantang Melaka dan gantang Baghdad. Manakala jumlah nisab bagi tanaman lain seperti gandum, sekoi, jagung, kacang hijau dan kacang soya juga adalah berbeza antara negeri-negeri di Malaysia. Sesetengah negeri menyamakan jumlah nisab tanaman-tanaman tersebut dengan padi dan sesetengah negeri lain meletakkan jumlah nisab yang berbeza. Ringkasannya boleh dilihat dalam Jadual 1.

Jadual 1: Jumlah Nisab Zakat Tanaman di Semenanjung Malaysia

Negeri	Jumlah Nisab Zakat Tanaman Dalam Gantang/Tan/Kilogram (kg)
Selangor	363 gantang Malaysia
Perak	363 gantang Malaysia (padi, gandum, sekoi)/ 183 gantang Malaysia (jagung)
Melaka	400 gantang Melaka (padi)/ 200 gantang Melaka (beras,jagung, kacang hijau, kacang soya)
Negeri Sembilan	363 gantang/ 1.306 tan/ 1 306 kg
Johor	358 $\frac{1}{3}$ gantang (padi, gandum) / 179 $\frac{1}{6}$ gantang (jagung, kacang hijau, kacang soya)
Kedah	1 300.449 kg (padi)
Perlis	480 gantang (padi)
Pulau Pinang	363 gantang (padi, jagung)
Terengganu	600 gantang Baghdad (padi, jagung atau lain-lain makanan asas)
Kelantan	600 gantang Baghdad/ 375 gantang Malaysia/ 875 kg (padi)
Pahang	400 gantang (padi)

Sumber: Enakmen negeri²⁰ dan laman web institusi zakat²¹

Walaupun fatwa kebangsaan telah mengeluarkan fatwa berkenaan nisab zakat padi sebanyak 363 gantang, tetapi institusi zakat negeri-negeri boleh menggunakan jumlah nisab tersebut atau menggunakan jumlah nisab yang lain.

²⁰ Seksyen 4 (1) dan 4 (2), Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Perak) 1975; Seksyen 15, Peraturan Zakat dan Fitrah (Melaka) 1960; Peraturan 6 (3), Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Johor) 1962; Fasal 13, Seksyen 9, Undang-undang Zakat (Kedah) (1374) 1955 (Pindaan 6/1983); Seksyen 5, Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Perlis) (Pindaan) 1966; Seksyen 10, Zakat and Fitrah Rules (Pulau Pinang) 1979; Seksyen 74 (1), Enakmen No. 2, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001; Kaedah 3, Kaedah-kaedah Zakat dan Fitrah (Pahang) 1970.

²¹ Lembaga Zakat Selangor, ‘Zakat Pertanian,’ <http://www.e-zakat.com.my/zakatharta/zakat-pertanian/>, 10 Disember 2012; Pusat Zakat Negeri Sembilan, ‘Zakat Pertanian (Padi),’ <http://www.zakatns.com.my/ver4/info-zakat/jenis-zakat/zakat->

Penilaian kadar nisab yang berbeza mengikut negeri dan tidak mengikut harga semasa boleh menyebabkan petani yang membayar zakat berada dalam kategori asnaf yang menerima zakat. Menurut hasil kajian Abdul Aziz Muhamad,²² kebanyakannya petani di Malaysia terutama di Kedah dan Kelantan sama ada penyewa atau pemilik tanah memiliki purata tanah padi kurang daripada 1.3 hektar. Pemilikan yang kecil ini menyebabkan hasil padi yang kurang. Tambahan pula, kaedah pengiraan zakat padi dikira menggunakan hasil kasar. Padahal, kos-kos yang dikeluarkan untuk penanaman padi adalah besar. Penilaian kadar nisab mengikut harga semasa perlu kerana nisab zakat boleh disamakan dengan garis kemiskinan dari sudut terminologi ekonomi semasa. Oleh itu, nisab perlu dinilai dari masa ke semasa sebagaimana garis kemiskinan yang dinilai dari masa ke masa. Dengan adanya penilaian kadar nisab dari masa ke semasa, ia akan menjamin prinsip keadilan dan mengurangkan ketidaksamaan agihan pendapatan.

2. Melebihi keperluan asas

Mazhab Ḥanafī menambah syarat melebihi keperluan asas dalam pengiraan zakat. Syarat ini tidak dikemukakan oleh mazhab-mazhab yang lain. Mereka memberikan definisi keperluan asas iaitu sesuatu yang betul-betul diperlukan untuk kelestarian hidup seperti belanja sehari-hari, rumah kediaman, senjata untuk mempertahankan diri atau pakaian yang diperlukan untuk melindungi tubuh daripada panas dan dingin atau keperluan utama seperti hutang.²³

Landasan mereka adalah berdasarkan hadis Rasulullah SAW daripada riwayat Ahmad bin Muhammad bin Ḥanbal yang telah disebutkan sebelum ini yang bermaksud: “*Zakat hanya dibebankan ke atas bahu orang kaya*”. Keperluan tersebut akan berubah dan berkembang sesuai dengan perubahan zaman, situasi dan keadaan setempat. Sebagai contoh, Lembaga Zakat Selangor

pertanian-padi, 10 Disember 2012; Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, ‘Kadar Nisab Zakat Tanaman (Padi),’ http://www.e-maik.my/public_new/index.php?option=com_content&view=article&id=237:info-zakat&catid=168:perkhidmatan&Itemid=1094, 10 Disember 2012.

²² Abdul Aziz Muhammad, ‘Zakat and Rural Development in Malaysia: An Ethical Analysis of The Concepts of Growth and Redistribution of Income and Wealth in Islam and Their Practices in a Contemporary Muslim Society’ (Tesis Ph.D, Temple University, United States of America, 1986), 354 – 358.

²³ Al-Ḵāṣanī, *Kitāb Badā'i' al-Ṣanā'i' fi Tartīb al-Syarā'i'*, 11; Al-Marghīnānī, Burhān al-Dīn Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Abī Bakr bin ‘Abd al-Jalīl al-Rusydānī, *al-Hidāyah Syarḥ Bidāyat al-Mubtadā* (Nasyir: al-Maktabah al-Islāmiyah, t.t.), vol. 1, 97.

(LZS) mentakrifkan keperluan asasi yang merangkumi enam aspek iaitu perlindungan, makanan, pakaian, perubatan, pendidikan dan pengangkutan. Bagi seorang ketua keluarga, LZS memperuntukkan RM680 sebulan untuk memenuhi keperluan asasi minimumnya yang meliputi perlindungan (RM260), makanan (RM140), pakaian (RM50), perubatan (RM50) dan pengangkutan (RM180).²⁴

3. Hutang

Mazhab Syāfi‘ī tidak mensyaratkan zakat hasil pertanian bebas dari hutang. Tetapi, ia hanya dibangkitkan oleh fuqaha mazhab lain yang secara umumnya menerima syarat “bebas dari hutang” dalam mewajibkan zakat pertanian. Dalam konteks ini, para fuqaha membahagikan harta kepada dua jenis iaitu harta zahir dan harta batin. Harta zahir ialah harta yang senang dilihat oleh orang ramai seperti binatang ternakan, hasil tanaman dan galian. Manakala harta batin pula ialah harta yang tidak mudah dilihat oleh orang ramai seperti wang ringgit, emas dan perak serta barang dagangan.²⁵

Jumhur fuqaha berpendapat, syarat “bebas daripada hutang” terpakai pada harta batin. Pandangan ini didokong oleh Ibn Qudāmah, ‘Aṭā’, Sulaymān bin Yasār, Maymūn bin Mihrān, al-Ḥasan, al-Nakha‘ī, al-Layth, Mālik, al-Thawrī, al-Awzā‘ī, Ishāq, Abū Thawr dan asḥāb al-ra'y.²⁶ Menurut Abū Ḥanīfah, zakat diwajibkan ke atas harta dan hutang itu bukan harta, maka tidak diwajibkan zakat ke atasnya.²⁷ Pandangan mereka disokong oleh nas yang diriwayatkan al-Sā‘ib bin Yazīd yang menyebut beliau mendengar ‘Uthmān bin ‘Affān berkata:

هذا شهر زكاتكم فمن كان عليه دين فليؤدِّي دينه حتى تحصل أموالكم
فتؤدون منه الزكاة

“Bulan ini adalah bulan zakat kamu. Maka sesiapa yang ada menanggung hutang hendaklah dia menunaikan hutang itu terlebih dahulu sebelum mengeluarkan zakat”

(Riwayat Abū ‘Ubayd)²⁸

²⁴ Lembaga Zakat Selangor, ‘Kadar Had Kifayah,’ <http://web.e-zakat.com.my/baru/agihan/kadar.asp>, 15 Mac 2013.

²⁵ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī wa al-Syarḥ al-Kabīr*, 633.

²⁶ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī wa al-Syarḥ al-Kabīr*, 633.

²⁷ Al-Kāsānī, *Kitāb Badā’i’ al-Ṣanā’i’ fī Tartīb al-Syarā’i’*, 10.

²⁸ Muḥammad Zakariyya bin Muḥammad bin Yaḥyā al-Kandahlawi, *Awjāz al-Masālik Ilā Muwaṭṭa’ Mālik*, Kitāb al-Zakāh, Bāb al-Zakāh fī al-Dayn (taḥqīq Ayman Ṣalīḥ Sya’ban; Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1999), no. hadis 844, 5.

Kata-kata itu disebut oleh ‘Uthmān di hadapan ramai para sahabat dan tidak ada riwayat yang menyebut mana-mana orang membantah kata-katanya itu. Ini menunjukkan bahawa para sahabat secara ijma’ berpendapat seperti itu.²⁹

Selain itu, mereka juga berpegang dengan pengertian umum nas-nas yang mewajibkan zakat. Menurut Ibn ‘Umar,³⁰ “Rasulullah SAW menyuruh aku memungut zakat daripada orang kaya untuk diberikan kepada orang fakir”. Maka, bagaimanakah zakat itu patut dipungut daripada orang yang berhutang sedangkan dia memerlukan sesuatu bagi menjelaskan hutangnya sama seperti orang fakir yang memerlukan sesuatu bagi memenuhi sara hidupnya.

Dalam masalah harta zahir sama dengan harta batin iaitu hutang menyebabkan tidak wajib zakat. Pendapat ini disokong oleh Ahmad, ‘Atā’, al-Hasan, Sulaymān, Maymūn bin Mihrān, al-Nakha‘ī, al-Thawrī, al-Layth dan Ishāq kerana keumuman nas yang mewajibkan zakat tanaman. Mereka melihat perkaitan zakat dengan harta zahir itu amat jelas sekali kerana harta seperti itu mudah dilihat oleh fakir miskin.³¹

Bagi mereka yang menyokong penolakan hutang, isu berbangkit timbul iaitu apakah hutang yang ditolak itu ialah kesemua hutang yang ditanggung oleh pemilik berkenaan atau hutang yang dibelanjakan bagi mengeluarkan hasil berkenaan sahaja? Dalam hal ini, Abū ‘Ubayd meriwayatkan dua pandangan yang berbeza dalam persoalan ini. Ibn ‘Abbās menentukan hanya hutang bagi tujuan pengeluaran sahaja. Manakala Ibn ‘Umar menyatakan bahawa semua hutang yang ditanggungnya, sama ada yang dibelanjakan untuk menghasilkan tanaman berkenaan atau untuk perbelanjaan keluarganya.³² Asas ini dibuktikan dengan riwayat Abū ‘Ubayd dari Jābir bin Zayd:

عن جابر بن زيد. قال في الرجل يستدين فينفق على أهله وأرضه قال :
قال ابن عباس : يقضى ما أنفق على أرضه. وقال ابن عمر : يقضى ما أنفق
على أرضه وأهله.

“Dari pada Jabir Ibn Zayd, katanya: Dalam masalah seseorang yang berhutang dan kemudian membelanjakannya kepada keluarganya. Kata Ibn ‘Abbas, dia perlu membayar apa yang dia belanjakan untuk kebunnya sahaja. Sedangkan kata Ibn ‘Umar;

²⁹ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī wa al-Syarḥ al-Kabīr*, 633.

³⁰ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī wa al-Syarḥ al-Kabīr*, 633.

³¹ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī wa al-Syarḥ al-Kabīr*, 634.

³² Abū ‘Ubayd, al-Qāsim bin Salām, *Kitāb al-Amwāl* (Beirut: Dār al-Fikr, 1988), 611.

dia perlu membayar apa yang dia belanjakan atas kebunnya dan juga keluarganya.”

(Riwayat Abū ‘Ubayd)³³

Abū ‘Ubayd, ‘Atā’, Tāwus, Makḥūl, Ibn Jurayj dan sebahagian ulama Irāq sependapat dengan Ibn ‘Umar. Abu ‘Ubayd berkata:³⁴

إذا كان الدين صحيحًا قد علم أنه على رب الأرض فإنه لا صدقة عليه فيها ولكنها تسقط عليه لدینه كما قال ابن عمر وطاوس وعطاء ومكحول. ومع قولهم أيضاً إنه موافق لاتباع السنة ألا ترى أن رسول الله صلى الله عليه وسلم إنما سن أن تؤخذ الصدق من الأغنياء فترد في الفقراء. وهذا الذي عليه دين يحيط بهاله ولا مال له وهو من أهل الصدقة فكيف تؤخذ منه الصدقة وهو من أهلها؟ أم كيف يجوز أن يكون غنياً فقيراً في حال واحدة؟ ومع هذا إنه من الغارمين أحد الأصناف الشهانية فقد استوجبهها من جهتين

“Kalau sekiranya hutang itu benar-benar sah diketahui ditanggung oleh pemilik tanah maka zakat gugur daripadanya kerana hutang itu sepertimana kata Ibn ‘Umar, Tāwus, ‘Atā’ dan Makhlūl. Pendapat mereka ini sebenarnya berasaskan al-Sunnah. Sesungguhnya tidakkah Rasulullah SAW mewajibkan zakat dengan tujuan supaya ia diambil daripada orang kaya untuk diberikan kepada orang fakir miskin? Orang ini menanggung hutang dan tidak punya harta, apakah dia masih merupakan pembayar zakat? Lalu bagaimana zakat itu harus diambil daripadanya? Apakah mungkin dia boleh menjadi kaya dan orang miskin dalam masa yang sama? Malah, sebagai seorang yang berhutang, dia juga termasuk dalam kategori salah satu daripada asnaf yang lapan kerana dia berhak daripada dua aspek.”

Ulama yang menyokong pendapat yang menyatakan hutang dikenakan zakat ini adalah dalam konteks harta batin ialah Rabī‘ah, Ḥammād³⁵ dan al-Syāfi‘ī.³⁶ Manakala dalam masalah harta zahir, Mālik, al-Auzā‘ī, Ibn Abī

³³ Abū ‘Ubayd, al-Qāsim bin Salām, *Kitāb al-Amwāl*, 611.

³⁴ Abū ‘Ubayd, al-Qāsim bin Salām, *Kitāb al-Amwāl*, 612.

³⁵ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī wa al-Syarḥ al-Kabīr*, 634.

³⁶ Al-Syāfi‘ī, *al-Umm*, 68-69.

Sulaymān dan al-Syāfi‘ī mendokong pandangan ini.³⁷ Manakala Abū Ḥanīfah pula, walaupun menerima pada dasarnya hutang boleh menyebabkan tidak wajib zakat pada harta zahir tetapi mengecualikan hasil tanaman daripada syarat tersebut.³⁸

Penolakan Kos Tanaman

Dalam pertanian moden sekarang ini, petani terpaksa menanggung kos yang tinggi dari segi penyediaan tapak, pembajaan, proses pengairan, pembersihan dan sebagainya. Pandangan jumhur fuqaha seperti Imam Abū Ḥanīfah, Mālik, Shāfi‘ī dan Ibn Hazm, kos tanaman di atas yang ditanggung oleh petani tidak ditolak dalam kiraan zakat.

Dalam hal ini, Yūsuf al-Qaraḍāwī³⁹ dan Muḥammad Kamāl ‘Atiyah⁴⁰ berpandangan bahawa penolakan kos tanaman dibolehkan dalam pengiraan zakat tanaman. Yūsuf al-Qaraḍāwī mengatakan terdapat riwayat dari zaman salaf iaitu dari Aṭā’ yang mengatakan zakat dikenakan setelah ditolak kos yang dibelanjakan untuk pertanian. Riwayat ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn Hazm adalah tidak boleh diterima kerana tuntutan wajib zakat tidak boleh digugurkan tanpa ada nas yang sabit dari al-Quran dan al-Sunnah. Walau bagaimanapun, Yūsuf al-Qaraḍāwī melihat isu ini dari sudut *maqāṣid al-syarī‘ah* yang mana adalah lebih tepat untuk membuat penolakan kos tanaman dalam kiraan zakat. Kenyataan beliau ini adalah bertitik tolak daripada dua falsafah zakat berikut:

- Kos dan tanggungan adalah sentiasa diambil kira oleh syarak yang boleh mengurangkan kadar zakat seperti dalam kes kaedah pengairan tanah pertanian yang boleh mengurangkan kadar zakat daripada sepuluh peratus kepada lima peratus. Begitu juga syarak tidak mengenakan zakat sama sekali kepada binatang ternakan yang diternak secara diberi makan oleh tuannya. Oleh itu, adalah boleh diterima jika kos penanaman yang ditanggung oleh petani ditolak dalam kiraan zakat pertanian.
- Hakikat subur (*al-nama’*) yang menjadi syarat kewajipan zakat ialah bermaksud pertambahan (*ziyādah*). Tentunya ia bertentangan dengan konsep ini jika petani terpaksa menanggung kos yang sama untuk mendapatkan hasil dari tanamannya.

³⁷ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī wa al-Syarḥ al-Kabīr*, 634.

³⁸ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī wa al-Syarḥ al-Kabīr*, 634.

³⁹ Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 446.

⁴⁰ ‘Atiyah, *Perakaunan Zakat: Teori dan Praktis*, 28.

Menurut Muḥammad Kamāl ‘Atiyah, dalam mengira zakat hasil tanaman, perkara berikut perlu diambil kira:⁴¹

- a) Semua perbelanjaan termasuk cukai adalah dianggap kos pengeluaran (kecuali belanja menyiram) bagi petani yang memiliki tanah sendiri. Namun, sekiranya tanah itu disewa, sewa itu juga dikira sebagai kos pengeluaran hasil pertanian tersebut;
- b) Kos pengeluaran pertanian hendaklah ditolak daripada hasil pertanian sama ada secara tunai atau hutang tetapi hutang yang terjadi bukan kerana usaha pertanian seperti perbelanjaan nafkah peribadi tidak diambilkira sebagai kos pengeluaran keseluruhan hasil pertanian;
- c) Kos pengiraan (siraman) tidak boleh ditolak daripada keluaran dan tidak boleh dianggap sebagai kos pengeluaran kerana kadar yang berbeza antara tanaman yang disiram dengan menggunakan tenaga manusia dan tanaman yang disiram dengan menggunakan air hujan;
- d) Petani yang menyewa membayar zakat tanaman dan pemilik tanah membayar zakat hasil sewa;
- e) Belanja nafkah sehari-hari tidak boleh dijadikan kos pengeluaran pertanian sebagaimana firman Allah SWT:

وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّتِ مَعْرُوشَاتٍ وَغَيْرِ مَعْرُوشَاتٍ وَالنَّحْلُ وَالزَّعْدُ
مُخْلِفًا أُكْلَهُ وَالزَّيْتُونَ وَالْرُّمَّانَ مُتَشَبِّهًا وَغَيْرِ مُتَشَبِّهٍ كُلُّوا
مِنْ شَمَرِةٍ إِذَا أَثْمَرَ وَأَثْوَأْ حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ وَلَا تُشْرِفُوا إِنَّهُ لَا
يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

“Dan Dialah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa juga yang kamu makan atau belanjakan); Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau”.

(Surah al-An‘ām, 6: 141)

⁴¹ ‘Atiyah, *Perakaunan Zakat: Teori dan Praktis*, 28.

Selain pandangan-pandangan di atas, terdapat fatwa di Mesir⁴² yang mengemukakan beberapa fatwa tentang isu tolakan kos tanaman dalam taksiran zakat pertanian iaitu:

- a) Tidak boleh menolak perbelanjaan yang dikeluarkan untuk kos siraman;
- b) Tidak boleh menolak perbelanjaan yang dikeluarkan untuk tanah dan siraman;
- c) Tidak boleh menolak perbelanjaan untuk benih, baja dan sebagainya tetapi jika perbelanjaan tersebut secara hutang, maka ia perlu ditolak terlebih dahulu sebelum pengiraan zakat. Selepas ditolak hutang untuk perbelanjaan tersebut, baru dikeluarkan zakat;
- d) Boleh menolak perbelanjaan untuk mengangkut tanaman sahaja.

Berpandukan kepada fatwa di atas, fatwa ketiga membenarkan petani menolak hutang kos tanaman sebelum menaksir zakat pertanian, manakala fatwa keempat membolehkan penolakan kos untuk mengangkut tanaman sahaja sebelum menaksir zakat tanaman. Fatwa ini hanya membenarkan penolakan kos tanaman yang dikeluarkan dalam bentuk hutang dan penolakan kos pengangkutan sahaja dalam kiraan zakat. Manakala kos-kos lain tidak boleh ditolak, iaitu merupakan pandangan jumhur ulama dalam perbincangan fiqh. Berdasarkan pandangan-pandangan sebelum ini, wajarlah kos tanaman ditolak dalam taksiran zakat tanaman sama ada secara hutang atau tidak.⁴³

Kadar Zakat Pertanian

Para fuqaha⁴⁴ membahagikan usaha tanaman itu kepada dua kategori berasaskan kepada metode pengairan yang digunakan iaitu:

- a) Sekiranya tanaman berkenaan diairi dengan menggunakan sumber alam seperti sungai, parit dan sebagainya, maka kadar zakatnya ialah sepuluh peratus;
- b) Sekiranya tanaman tersebut diairi dengan menggunakan tenaga manusia, binatang atau alat, maka zakat yang dipungut ialah lima peratus.

⁴² Al-Sālūs (2006), No.119 (2/13), 22-27 Disember 2001, 559.

⁴³ Untuk huraian lanjut lihat Nor Aini Ali, ‘Analisis Perakaunan Zakat di Malaysia,’ *Jurnal Syariah*, 14/2 (2006): 38; Asmak Ab Rahman & Pazim@Fadzim Othman, ‘Kaedah Taksiran Zakat Padi dan Kesannya terhadap Petani: Kajian di Selangor,’ *Jurnal Syariah* 13/1 (2005): 62-63.

⁴⁴ Al-Nawāwī, Imām Abī Zakariyā Muhy al-Dīn bin Syarīf, *Kitāb al-Majmū‘ Syarḥ al-Madhab li Syirāzī* (taḥqīq Muḥammad Najīb al-Muṭī‘ī; Beirut: Dār al-Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1995), vol. 5, 445.

Menurut Ibn Qudāmah,⁴⁵ para fuqaha sependapat tentang pengkategorian dan penentuan kadar pungutan ini. Nas yang menjadi asas kepada penentuan ini adalah hadis Rasulullah SAW:

...فِيهَا سُقْتُ السَّمَاءِ وَالْعَيْوَنِ الْعَشْرُ وَفِيهَا سُقْتٌ بِالنَّضْحِ نَصْفُ الْعَشْرِ

“Pada apa yang dijirus oleh langit atau air mata air atau takungan sepuluh peratus, dan apa yang dijirus dengan tenaga, lima peratus”.

(Riwayat Ibn Mājah)⁴⁶

Terdapat beberapa isu yang timbul daripada kadar pungutan zakat tanaman ini. Isu yang pertama adalah bagaimana menentukan berat atau ringannya kerja yang digunakan untuk pengairan. Adakah kerja-kerja menggali parit dan tali air merupakan kerja-kerja berat yang boleh mengurangkan nisbah atau kadar zakat yang dipungut atau sebaliknya? Menurut Ibn Qudāmah, kerja-kerja menggali sungai dan parit serta tali air tidak boleh mengurangkan kadar zakat yang wajib dibayar. Ini kerana menurut beliau, kerja seperti itu tidak memerlukan belanja yang banyak, malah merupakan sebahagian daripada kerja-kerja merawat tanah itu sendiri, sama seperti menggala, menurap dan sebagainya.⁴⁷

Isu yang kedua adalah apakah kadar yang dikenakan apabila tanaman berkenaan dijirus secara bercampur-campur iaitu sesetengah masa menggunakan sumber semulajadi, manakala sesetengah masa yang lain menggunakan tenaga. Pendapat para fuqaha boleh dirumuskan seperti berikut:

- a) Sekiranya nisbah kedua-duanya sama banyak, zakat dikenakan sebanyak 7.5 peratus.⁴⁸ Walaupun begitu, al-Nawāwī menyebut bahawa dalam mazhab Syāfi‘ī, jumhur berpendapat keputusan seperti ini tertakluk kepada perancangan pekebun berkenaan pada waktu menanam sama ada bercadang untuk menggunakan jenis pengairan yang mana. Tetapi, jika dia sebenarnya bercadang untuk menggunakan jenis pengairan tertentu sahaja seperti pengairan yang menggunakan tenaga, maka zakat perlu mengikut kadar yang sesuai dengan jenis pengairan berkenaan iaitu

⁴⁵ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī wa al-Syarḥ al-Kabīr*, 556-557.

⁴⁶ Al-Qazwiṇī, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Zakāh, Bāb Ṣadaqah al-Zurū‘ wa al-Thimār, no. hadis 1806.

⁴⁷ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī wa al-Syarḥ al-Kabīr*, 556-557.

⁴⁸ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī wa al-Syarḥ al-Kabīr*, 558; al-Syāfi‘ī, *al-Umm*, 51; Al-Nawāwī, *Kitāb al-Majmū‘ Syarḥ al-Madhhab li Syirāzī*, 445; Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 406.

lima peratus, walaupun pada praktiknya dia juga menggunakan jenis pengairan lain seperti air hujan dalam keadaan tertentu;⁴⁹

- b) Sekiranya salah satu metode berkenaan lebih banyak digunakan berbanding yang satu lagi, pada pandangan kebanyakan para fuqaha bayaran zakat hendaklah berdasarkan metode penjirusan yang lebih banyak;⁵⁰
- c) Sekiranya tidak diketahui nisbah penggunaan antara kedua-duanya, sebahagian fuqaha berpendapat zakat perlu dikenakan sepuluh peratus. Pada pendapat mereka, sepuluh peratus adalah kadar yang perlu dikeluarkan, sementara lima peratus adalah kadar yang diringankan kerana ada penggunaan tenaga yang berat.⁵¹ Manakala dalam mazhab Syāfi‘ī, pandangan yang paling banyak adalah zakat wajib sebanyak 7.5 peratus. Selain itu, ada juga pandangan yang menyarankan agar zakat dikeluarkan sebanyak lima peratus atas dasar bahawa kadar yang banyak itulah yang pasti wajib;⁵²
- d) Sekiranya terdapat dua kebun atau lebih secara berasingan, di mana satu atau lebih daripada kebun itu mendapat jirusan secara tabii, sementara yang bakinya dijirus dengan menggunakan tenaga dan tidak cukup nisab bagi satu kebun, para ulama memutuskan hasil bagi semua kebun itu hendaklah disatukan untuk mencukupkan nisab. Namun, kadar zakat perlu mengikut kepada jenis jirusan yang digunakan bagi setiap kebun, iaitu sepuluh peratus jika dijirus menggunakan sumber semulajadi dan lima peratus jika menggunakan tenaga.⁵³

Di Malaysia, kadar zakat padi adalah berbeza antara negeri-negeri. Semua negeri di Semenanjung Malaysia kecuali Kelantan, Perlis dan Negeri Sembilan menetapkan satu kadar zakat padi atau tanaman iaitu pada kadar lima peratus atau sepuluh peratus tanpa mengambilkira jenis pengairan yang digunakan oleh petani. Hanya institusi zakat di Kelantan, Perlis dan Negeri Sembilan sahaja menetapkan dua kadar zakat sama ada lima peratus atau sepuluh peratus.

⁴⁹ Al-Nawāwī, *Kitāb al-Majmū‘ Syarḥ al-Madhhab li Syirāzī*, 445.

⁵⁰ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī wa al-Syarḥ al-Kabīr*, 557; Al-Syāfi‘ī, *al-Umm*, 51; Al-Nawāwī, *al-Majmū‘ Syarḥ al-Madhhab li Syirāzī*, 446; Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakah*, 407.

⁵¹ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī wa al-Syarḥ al-Kabīr*, 557; Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakah*.

⁵² Al-Nawāwī, *al-Majmū‘ Syarḥ al-Madhhab li Syirāzī*, 446 - 447.

⁵³ Al-Nawāwī, *al-Majmū‘ Syarḥ al-Madhhab li Syirāzī*; Ibn Qudāmah , *al-Mughnī wa al-Syarḥ al-Kabīr*, 558.

Petani bebas memilih mana-mana kadar zakat padi yang sesuai bergantung kepada jenis pengairan yang digunakan oleh mereka. Institusi zakat negeri-negeri sepatutnya tidak menetapkan kadar zakat pertanian seperti mana yang berlaku di Kelantan, Perlis dan Negeri Sembilan. Ini kerana tidak semua petani menggunakan sistem pengairan yang memerlukan kos atau sebaliknya. Jadual 2 menerangkan tentang kadar zakat tanaman di Semenanjung Malaysia.

Jadual 2: Kadar Zakat Tanaman di Semenanjung Malaysia

Kadar Zakat Tanaman	Negeri
5 peratus	Selangor, Kelantan, Negeri Sembilan, Perlis ⁵⁴
10 peratus	Kedah, Perlis, Perak, Johor, Melaka, Pahang, Terengganu, Pulau Pinang, Kelantan, Negeri Sembilan

Sumber: Enakmen negeri⁵⁴ dan laman web insitusi zakat⁵⁵

Fatwa Zakat Tanaman di Malaysia

Di Malaysia, semua undang-undang yang berkaitan dengan pentadbiran fatwa digubal oleh kerajaan-kerajaan negeri. Ini termasuklah pelantikan mufti, penubuhan Jabatan Mufti dan pengeluaran sesuatu fatwa. Majlis Agama Islam yang ditubuhkan di negeri-negeri bagi pihak kerajaan negeri masing-masing diberi tanggungjawab untuk menguatkusakan sesuatu fatwa. Sehubungan dengan itu, masyarakat Islam di dalam negeri perlu mematuhi sesuatu fatwa yang diwartakan. Undang-undang yang digubal bagi mendakwa seseorang yang melanggar fatwa dibuat adalah bagi memastikan kesucian agama Islam

⁵⁴ Seksyen 31 (1) dan 32, Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam (Selangor) 1989 (Pindaan 9/2001); Fasal 13, Seksyen 9, Undang-undang Zakat (Kedah) (1374) 1955 (Pindaan 6/1983); Seksyen 5, Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Perlis) (Pindaan) 1966; Seksyen 4 (1) dan 4 (2), Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Perak) 1975; Peraturan 6 (3), Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Johor) 1962; Seksyen 15, Peraturan Zakat dan Fitrah (Melaka) 1960; Kaedah 3, Kaedah-kaedah Zakat dan Fitrah (Pahang) 1970; Seksyen 74 (1), Enakmen No. 2, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001; Seksyen 10, Zakat and Fitrah Rules (Pulau Pinang) 1979.

⁵⁵ Pusat Urus Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, ‘Zakat Pertanian,’ <http://www.zakatpenang.com/index.php/info-zakat/jenis-zakat/zakat-pertanian>, 10 Disember 2012; Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, ‘Kadar Zakat Tanaman,’ http://www.e-maik.my/public_new/index.php?option=com_content&view=article&id=259:kadar-zakat&catid=168:perkhidmatan&Itemid=790, 10 Disember 2012; Pusat Urus Zakat Negeri Sembilan, ‘Zakat Pertanian (Padi).’

terpelihara di negara ini sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang tertinggi negara. Dari segi penguatkuasaan, ia bukanlah menjadi tanggungjawab Mufti atau Jabatan Mufti negeri-negeri untuk menguatkuasakan sesuatu fatwa. Tugas jabatan ini hanyalah menyelesaikan sesuatu persoalan hukum semasa yang diperlukan oleh masyarakat atau kerajaan negeri.

Jika dilihat fatwa berkenaan zakat tanaman, hanya Selangor, Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Kelantan dan Terengganu yang mempunyai fatwa berkenaan zakat pertanian. Fatwa ini terbahagi kepada dua iaitu fatwa yang diwartakan dan fatwa yang tidak diwartakan. Hanya Selangor sahaja yang mewartakan fatwa mengenai zakat padi pada tahun 2001. Manakala negeri-negeri lain tidak mewartakan fatwa zakat padi. Fatwa yang ada di negeri-negeri tersebut hanya sebagai rujukan sahaja. Ringkasan aspek-aspek fatwa yang wujud di negeri-negeri tersebut ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Ringkasan Fatwa berkaitan Zakat Padi

Negeri	Kadar Zakat Padi	Kaedah Taksiran Zakat Padi	Kadar Zakat Subsidi Padi	Pembayaran Zakat
Selangor	5%	Hasil kasar	Zakat 2.5%	Tiada
Perlis	5%	Hasil bersih (tolakan kos tanaman dan atau kos sara hidup)	Tiada	Padi/ harga padi
Pulau Pinang	10%	Hasil bersih (setelah ditolak kos penyelenggaraan pengurusan)	Zakat 2.5%	Tiada
Kelantan	10%	Hasil kasar	Tiada	Tiada
Terengganu	10%	Tiada	Tiada	Tiada
		Bagi penanaman padi secara mini estet		
	10%	Hasil kasar (jika belanja yang kecil)	Tiada	Tiada
	5%	Hasil kasar (belanja yang besar)		

Sumber: Laman Web

1) Kadar Zakat Pertanian

Fatwa berkenaan kadar zakat padi hanya terdapat di negeri Selangor, Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu sahaja. Sebagai contoh, terdapat fatwa di Selangor yang mewajibkan zakat padi dibayar pada kadar lima peratus di atas pendapatan kasar. Fatwa ini telah diwartakan pada tahun 2001.

- (1) *Harga zakat padi ialah 5% daripada hasil pendapatan kasar tanpa menolak kos pengeluaran.*
- (2) *Ini kerana dalam penanaman padi para petani perlu mengeluarkan kos yang tinggi termasuk perkhidmatan air dan jentera untuk mendapatkan hasil yang baik dan lumayan.⁵⁶*

Fatwa di Kedah pula menyebut:

“Kadar zakat yang wajib di atas petani-petani yang menggunakan air terusan yang kena dibayar seperti kadar yang ditetapkan oleh kerajaan sekarang ini ialah satu persepuhluh (1/10).”⁵⁷

Fatwa zakat padi di Kelantan menyebut:

“Wajib atas tuan sawah mengeluarkan zakat daripada seberapa banyak padi yang dapat itu, dan tiada boleh ditolak apa-apa perbelanjaan dahulu daripada dikeluarkan zakatnya. Seperti dapat 600 gantang maka wajib keluar zakatnya 60 gantang. Jika diperbuat dengan (menggunakan) air hujan. Dan wajib dahlulukan zakat dan tiada wajib zakat atas orang-orang yang berusaha sama ada muslim atau kafir melainkan jika benih padi itu daripadanya, maka zakat kesemua padi itu atas orang yang berusaha jika ia (seorang) Islam, maka tiadalah wajib zakat atas tuan sawah.”⁵⁸

⁵⁶ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, “Kutipan Zakat Padi Melalui Pemotongan Terus dari Kupon Subsidi Padi di Negeri Selangor,” <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/kutipan-zakat-padi-melalui-pemotongan-terus-dari-kupon-subsidi-padi-di-negeri-selangor>, 10 Disember 2012.

⁵⁷ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ‘Fatwa tentang Harga Zakat Padi,’ <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-tentang-harga-zakat-padi>, 10 Disember 2012.

⁵⁸ Muhamad Syukri Muhamad (ed.), *Himpunan Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Kelantan* (Kelantan: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1993), vol. 2, 64-65.

Jawatankuasa fatwa di Terengganu pula berpendapat bahawa:

“Tanah-tanah yang mendapat siraman air daripada parit-parit dan tali air maka kadar zakatnya adalah 1/10 (satu persepuhl) kerana orang yang menanam di atas tanah itu tidak mesti bersusah payah dan tidak pula berhajat kepada apa-apa tenaga untuk mendapatkan air. Tentang bayaran yang dibayar kepada kerajaan sebagai cukai yang dinamakan cukai tali air maka kadarnya tidak membebankan dan dengan itu tidak mengubah kadar zakat yang ditetapkan itu.”⁵⁹

Fatwa yang terdapat di Kedah, Kelantan dan Terengganu menetapkan kadar zakar padi sebanyak sepuluh peratus.

2) Kaedah Taksiran Zakat Pertanian

Fatwa di negeri Perlis membincangkan kaedah taksiran mengenai zakat padi secara terperinci. Jawatankuasa fatwa telah bersetuju untuk mengemukakan fatwa taksiran zakat padi seperti berikut:

Kadar zakat padi ialah 5% setelah ditolak:

- i. *Kos pengeluaran yang meliputi sewa tanah, upah memajak, upah menanam, harga baja, racun serangga, upah menuai (termasuk upah mengisi padi dalam guni) dan upah pengangkutan;*⁶⁰

- ii. *Nafkah/ keperluan asasi dan hutang dharuriyyat.*

Dalam membincangkan masalah ini, Ahli Jawatankuasa Fatwa mempunyai dua pendapat iaitu:

- i. *Ditolak hutang dharuriyyat sahaja.*

Menurut pendapat yang pertama ini, kos sara hidup tidak ditolak dalam pengiraan zakat padi tetapi hanya menolak kos pengeluaran sahaja.

- ii. *Ditolak nafkah keperluan asasi dan perbelanjaan dharuriyyat.*

⁵⁹ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ‘Zakat Pertanian (Tanaman Padi),’ <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-pertanian-tanaman-padi-2,10> Disember 2012.

⁶⁰ Senarai kos-kos pengeluaran ini hanya akan ditolak apabila ia dikeluarkan oleh petani. Jadi, tidak semestinya setiap jenis kos tersebut dikeluarkan oleh petani.

Menurut pendapat kedua ini, kos pengeluaran dan sara hidup akan ditolak terlebih dahulu sebelum taksiran zakat padi dilakukan.⁶¹ Dalam hal ini, jawatankuasa juga menetapkan kos keperluan asasi maksimum yang boleh ditolak iaitu:

- a) RM5000 setahun untuk diri sendiri;*
- b) RM3000 setahun untuk isteri; dan*
- c) RM1200 setahun untuk seorang anak⁶²*

Fatwa di Perlis ini membolehkan petani mengeluarkan zakat berdasarkan hasil bersih padi setelah ditolak kos pengeluaran dan kos sara hidup. Fatwa ini menyamai pandangan mazhab Ḥanafī yang mengemukakan syarat kewajipan zakat iaitu melebihi keperluan asasi seseorang. Melalui fatwa di Perlis, petani menolak kos sara hidup dalam pengiraan zakat iaitu kos sara hidup yang boleh ditolak meliputi kos sara hidup untuk diri sendiri, isteri dan anak serta ansuran bagi sebuah rumah dan sebuah kenderaan.⁶³

Di Kedah dan Terengganu, terdapat fatwa khusus berkenaan projek penanaman padi secara berkelompok atau mini estet. Di Kedah, fatwa berkenaan penanaman padi membolehkan petani mentaksir zakat padi setelah ditolak kos tanaman. Manakala di Terengganu, petani yang menanam padi secara mini estet diberi pilihan sama ada membayar zakat pada kadar lima peratus atau sepuluh peratus bergantung kepada kos yang dikeluarkan oleh petani.

Di Kedah, fatwa projek pertanian secara berkelompok menyebut:

“Zakat dikira berdasarkan perolehan bersih padi setelah ditolak segala hutang perbelanjaan yang ditanggung oleh petani semasa mengusahakan pertanian pada tiap-tiap musim. Kaedah ini dilakukan dengan bertaklid kepada mazhab Abi Hanifah yang mensyaratkan harta yang wajib dizakatkan itu iaitu harta yang bersih dari hutang dan dari keperluan asas pemiliknya umpama nafkah, rumah kediaman dan pakaian dan umpama alat perkakas kerja dan kenderaan. Ini akan meringankan beban yang dipikul

⁶¹ Walaupun begitu, kos sara hidup ini hanya akan ditolak apabila sumber pendapatan petani hanya semata-mata daripada hasil padi sahaja.

⁶² Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, *Panduan Mengeluarkan Zakat* (Perlis: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, 2001), 17 – 22.

⁶³ Temu bual dengan Ustaz Hashim bin Taib, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis melalui perbualan telefon, 19 Oktober 2012.

oleh petani dan mereka akan mengeluarkan zakat dengan penuh kerelaan dan kutipan zakat akan menjadi bertambah mudah”⁶⁴

Di Terengganu, fatwa berkenaan kaedah taksiran zakat padi yang dikendalikan secara mini estet oleh Pertubuhan Peladang berbunyi:

“Apabila padi dituai dan jika cukup nisabnya iaitu 600 gantang Madinah atau yang bersamaan denganannya hendaklah dikeluarkan zakatnya di atas kadar 1/20, sekiranya usaha penanaman tersebut menelan belanja yang besar, sebaliknya jika usaha-usaha penanaman itu tidak menelan belanja yang besar kadarnya ialah 1/10.”⁶⁵

Fatwa ini menjelaskan bahawa kadar zakat yang dikenakan ke atas petani yang menjalankan projek tanaman padi secara mini estet dibahagikan kepada dua iaitu:

- a) 5% - jika kos yang dikeluarkan oleh petani adalah besar; dan
- b) 10% - jika kos yang dikeluarkan oleh petani adalah kecil.

3) Zakat Subsidi Padi

Hanya negeri Selangor, Pulau Pinang dan Kedah sahaja yang mempunyai fatwa berkenaan zakat subsidi padi. Selangor dan Pulau Pinang menganggap zakat subsidi padi sebagai zakat *māl al-mustafād* manakala Kedah memasukkan zakat subsidi padi dalam pengiraan zakat tanaman.

Fatwa di Selangor menyebut:

“Wang kupon padi adalah dikira sebagai subsidi iaitu sebagai penggalak dari kerajaan dan wajib dikeluarkan zakat sebanyak 2.5% sekiranya mencukupi nisab.”⁶⁶

Fatwa di Pulau Pinang pula menyebut:

“Kerajaan memberi subsidi ini kepada orang yang membuat bendang dan menjual padi itu dalam tempoh yang ditetapkan,

⁶⁴ Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa, 13 Oktober 1996.

⁶⁵ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ‘Zakat Padi yang dikendalikan Secara Mini Estet oleh Pertubuhan Peladang,’ <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-padi-yang-dikendalikan-secara-mini-estet-oleh-pertubuhan-peladang-0,10> Disember 2012.

⁶⁶ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ‘Kutipan Zakat Padi Melalui Pemotongan Terus dari Kupon Subsidi Padi di Negeri Selangor.’

sekiranya seseorang itu telah menyimpan padi ke satu tarikh yang luput tempohnya maka subsidi padi tidak akan diberikan kepadanya, ini bererti subsidi itu bukanlah dari hasil daripada padi tetapi sebagai inisiatif (galakan) yang diberi oleh kerajaan kepada pesawah-pesawah padi dan ia adalah berasingan daripada hasil padi sebenar.”⁶⁷

Manakala fatwa di Kedah mengenai zakat subsidi padi menyebut:

“Wang subsidi padi adalah harga padi dan dengan itu ia hendaklah dicampur kepada harga padi dan dizakatkan”⁶⁸

4) Pembayaran Zakat

Fatwa berkenaan pembayaran zakat padi hanya terdapat di negeri Kedah sahaja iaitu:

“Kutipan dan bayaran zakat harta zahir seperti padi dan lain-lain bijian umpamanya terdapat 2 qhul, bagi Al-Imam Al-Shafie Rodiallah An-Hu iaitu Al-Qhul Al-Jadid yang mengharuskan dibayar kepada lain daripada imam (sultan) dan Al-Qhul Al-Qodim yang mewajibkan dibayar kepada imam atau naibnya yang mana menurut qhul ini jikalau seseorang itu membayar zakat harta zahirnya kepada lain daripada imam tiada sah zakatnya dan wajib di atasnya membayar ganti kepada imam atau naibnya. Perselisihan (Qolaf) tentang sama ada wajib atau tiada wajib dibayar zakat harta zahir kepada imam itu selama tiada ada perintah daripadanya supaya dibayar kepadanya akan tetapi apabila ada perintahnya maka ketika itu wajib dibayar kepadanya dengan tiada ada qolaf lagi sekalipun ia membelanjakan kepada bukan tempatnya dan menjadi tiada sah zakat itu jika dibayar kepada orang lainnya dan wajib dibayar ganti”⁶⁹

Fatwa ini menjelaskan bahawa zakat padi wajib dibayar kepada pemerintah.

⁶⁷ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ‘Zakat Padi,’ <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-padi-1>, 10 Disember 2012.

⁶⁸ Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji, ‘Himpunan Fatwa Kedah,’ http://www.jawhar.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=265%3Ahimpunan-fatwa-negeri-kedah&catid=45&Itemid=61&lang=ms, 10 Disember 2012.

⁶⁹ Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji, ‘Himpunan Fatwa Kedah.’

Terdapat beberapa perbezaan fatwa berkenaan zakat padi, namun kebanyakan Majlis Agama Islam Negeri menggunakan pandangan mazhab Syāfi‘ī. Walaupun begitu, dalam konteks pengeluaran fatwa, masih ada ruang untuk merujuk pandangan mazhab lain berdasarkan keperluan kemaslahatan awam dan faedah umum. Sebagai contoh, Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan,⁷⁰ Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Kedah⁷¹ dan Undang-undang Pentabiran Agama Islam Selangor⁷² yang memperuntukkan akta tertentu yang membenarkan merujuk kepada pandangan mazhab selain mazhab Syāfi‘ī. Sebagai contoh peruntukan di dalam undang-undang yang berbunyi:

“....Pada ketika membuat atau mengeluarkan apa-apa fatwa seperti yang disebut di atas tadi Majlis dan Jawatankuasa Ugama Islam hendaklah kelazimannya mengikut kul yang muktamad di dalam mazhab Syafie. Tetapi jika fikiran diikut kul itu akan berlawanan dengan faedah umum, Majlis atau Jawatankuasa Ugama bolehlah, melainkan diperintahkan oleh DYMM yang lain, ikut kul-kul yang daif daripada mazhab Syafie; tetapi demikian juga jika sekiranya difikirkannya dengan kul yang muktamad atau kul daif daripada mazhab Syafie akan berlawanan dengan faedah umum, Majlis atau Jawatankuasa Ugama boleh dengan izin yang khas oleh DYMM Sultan ikut kul-kul salah satu daripada tiga mazhab yang lain yang mana-mana difikirkan munasabah, tetapi di dalam mana-mana fatwa yang dibuat dengan jalan ini hendaklah diterangkan dengan jelas peraturan-peraturan dan dasar-dasarnya yang hendak diikuti.”⁷³

Fatwa yang tidak mengikut pandangan mazhab Syāfi‘ī ini telah berlaku di dalam beberapa kes zakat. Contohnya pengeluaran zakat fitrah menggunakan wang, bukan beras.⁷⁴ Begitu juga dalam hal penolakan kos tanaman dan kos sara hidup dalam taksiran zakat padi di Perlis⁷⁵ dan di Kedah.

⁷⁰ Seksyen 39, Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan 1993.

⁷¹ Seksyen 38 (1), Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Kedah 1962 (Akta No. 9).

⁷² Seksyen 42 (1), Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor 1952 (Akta No.3).

⁷³ Seksyen 42 (1), Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor 1952 (Akta No.3).

⁷⁴ Pandangan mazhab Ḥanafī membolehkan pengeluaran zakat fitrah menggunakan harga makanan bukan makanan asasi itu sendiri. Lihat Ibn Qudāmah, al-Mughnī wa al-Syarḥ al-Kabīr, 556 – 557.

⁷⁵ Lihat Perkara 5(1), Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1959 (Pindaan 1974), 4.

Berdasarkan pandangan sarjana Islam, undang-undang serta fatwa yang wujud di Malaysia, isu berkaitan zakat tanaman terutama dalam aspek nisab, penolakan kos tanaman dan sara hidup dalam taksiran zakat tanaman serta pembayaran zakat perlu dinilai dan diberi perhatian. Ini kerana perbezaan yang wujud di negeri-negeri boleh menimbulkan kekeliruan pada masyarakat umumnya dan kepada petani khususnya. Justeru, kajian empirikal berkaitan isu ini perlu dijalankan bagi meneliti isu ini secara praktikal.

KESIMPULAN

Terdapat pelbagai pandangan sarjana Islam berkenaan isu-isu fiqh semasa berkaitan zakat pertanian. Beberapa isu utama yang diketengahkan iaitu, pertama, penilaian nisab zakat pertanian yang perlu dilakukan mengikut harga semasa padi sepetimana penilaian nisab semasa terhadap zakat harta lain seperti perniagaan dan pendapatan. Kedua, zakat hanya dikenakan kepada seseorang apabila melebihi keperluan asas di mana keperluan asas minimum seseorang sebulan adalah RM680. Ketiga, penolakan kos pertanian dalam taksiran zakat pertanian berdasarkan kepada pandangan beberapa sarjana seperti Yūsuf al-Qarādāwī dan Muḥammad Kamāl ‘Atiyah. Keempat, penetapan kadar zakat pertanian perlu berasaskan jenis pengairan yang digunakan oleh petani bukannya berdasarkan kos lain yang dikeluarkan oleh petani sepetimana amalan di Selangor. Kelima, hanya Pulau Pinang, Selangor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu sahaja yang mempunyai fatwa berkaitan zakat pertanian. Hanya Pulau Pinang, Kedah dan Perlis sahaja yang membenarkan penolakan kos-kos tersebut dalam taksiran zakat pertanian. Selangor pula menguatkuasakan fatwa berkaitan zakat pertanian, manakala negeri-negeri lain tidak mewartakan fatwa tersebut dan hanya menjadi rujukan sahaja.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan Universiti Malaya (RG065-09HNE). Penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Universiti Malaya di atas dana yang diberikan melalui geran tersebut.

RUJUKAN

- ‘Atiyah, Muhammad Kamāl, *Perakaunan Zakat-Teori dan Praktis* (terj. Mohd Nor Ngah; Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995).
- Abdul Aziz Muhammad, ‘Zakat and Rural Development in Malaysia: An Ethical Analysis of The Concepts of Growth and Redistribution of Income and Wealth in Islam and Their Practices in a Contemporary Muslim Society’ (Tesis Ph.D, Temple University, United States of America, 1986).
- Abū ‘Ubayd, al-Qāsim bin Salām, *Kitāb al-Amwāl* (Beirut: Dār al-Fikr, 1988).
- Ahmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Syarḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Ma`rifah, t.t.).
- Ahmad bin Muḥammad bin Ḥanbal, *al-Musnad* (Kaherah: Dār al-Hadith, 1995).
- Asmak Ab Rahman & Pazim@Fadzim Othman, ‘Kaedah Taksiran Zakat Padi dan Kesannya terhadap Petani: Kajian di Selangor,’ *Jurnal Syariah* 13/1 (2005): 37-64.
- Al-Bahūtī, Maṇṣūr bin Yūnus bin Idrīs, *Kasyāf al-Qinā‘* (Lubnan: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1999).
- Ibn Qudāmah, Abū Muḥammad ‘Abd Allāh bin Aḥmad , *al-Mughnī wa al-Syarḥ al-Kabīr* (Beirut: Dār al-Fikr, 1984).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ‘Fatwa tentang Harga Zakat Padi,’ <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-tentang-harga-zakat-padi>, 10 Disember 2012.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ‘Kutipan Zakat Padi Melalui Pemotongan Terus dari Kupon Subsidi Padi di Negeri Selangor,’ <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/kutipan-zakat-padi-melalui-pemotongan-terus-dari-kupon-subsidi-padi-di-negeri-selangor>, 10 Disember 2012.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ‘Sistem Metrik dalam Urusan Zakat,’ http://www.e-fatwa.gov.my/jakim/keputusan_view.asp?keyID=18, 10 Disember 2012.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ‘Zakat Padi yang dikendalikan Secara Mini Estet oleh Pertubuhan Peladang,’ <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-padi-yang-dikendalikan-secara-mini-estet-oleh-pertubuhan-peladang-0>, 10 Disember 2012.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ‘Zakat Padi,’ <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-padi-1>, 10 Disember 2012.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ‘Zakat Pertanian (Tanaman Padi),’ <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-pertanian-tanaman-padi-2>, 10 Disember 2012.

- Al-Khaṭīb al-Syarbīnī, Syams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khaṭīb, *Mughnī al-Muhtāj* (Lubnān: Dār al-Ma‘arifah, 1997).
- Al-Kāsānī, ‘Alā’ al-Dīn Abī Bakr bin Mas‘ūd al-Ḥanafī, *Kitāb Badā’i‘ al-Sanā’i‘ fī Tartīb al-Syarā’i‘* (cet. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1986).
- Lembaga Zakat Selangor, ‘Kadar Had Kifayah,’ <http://web.e-zakat.com.my/baru/agihan/kadar.asp>, 15 Mac 2013.
- Lembaga Zakat Selangor, ‘Zakat Pertanian,’ <http://www.e-zakat.com.my/zakat-harta/zakat-pertanian/>, 10 Disember 2012.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003).
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, ‘Kadar Nisab Zakat Tanaman (Padi),’ http://www.e-maik.my/public_new/index.php?option=com_content&view=article&id=237:info-zakat&catid=168:perkhidmatan&Itemid=1094, 10 Disember 2012.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, ‘Kadar Zakat Tanaman,’ http://www.e-maik.my/public_new/index.php?option=com_content&view=article&id=259:kadarzakat&catid=168:perkhidmatan&Itemid=790, 10 Disember 2012.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, *Panduan Mengeluarkan Zakat* (Perlis: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, 2001).
- Mālik bin Anas, *al-Muwaṭṭa’* (Beirut: Dār al-Fikr, 1989).
- Al-Marghīnānī, Burhān al-Dīn Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Abī Bakr bin ‘Abd al-Jalīl al-Rusydānī, *al-Hidāyah Syarḥ Bidāyat al-Mubtadā* (Nasyir: al-Maktabah al-Islāmiyah, t.t.).
- Muhamad Syukri Muhamad (ed.), *Himpunan Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Kelantan* (Kelantan: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1993).
- Muhammad Zakariyya bin Muhammad bin Yaḥyā al-Kandahlawi, *Awjāz al-Masālik Ilā Muwaṭṭa’ Mālik* (taḥqīq Ayman Ṣāliḥ Sya’ban; Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999), 5.
- Al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī* (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 2002).
- Al-Nawawī, Imām Abī Zakariyā Muhy al-Dīn bin Syarīf, *Kitāb al-Majmū‘ Syarḥ al-Madhab li Syirāzī* (taḥqīq Muḥammad Najīb al-Muṭī‘ī; Beirut: Dār al-Iḥyā al-Turāth al-Arabi, 1995).

- Nor Aini Ali, ‘Analisis Perakaunan Zakat di Malaysia,’ *Jurnal Syariah*, 14/2 (2006): 35-47.
- Pusat Urus Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, ‘Zakat Pertanian,’ <http://www.zakatpenang.com/index.php/info-zakat/jenis-zakat/zakat-pertanian>, 10 Disember 2012.
- Pusat Zakat Negeri Sembilan, ‘Zakat Pertanian (Padi),’ <http://www.zakatns.com.my/ver4/info-zakat/jenis-zakat/zakat-pertanian-padi>, 10 Disember 2012.
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf, *Fiqh al-Zakāh* (cet. 21, Kaherah: Maktabah Wahbah, 1994).
- Al-Qazwinī, Abū ‘Abdillah Muḥammad bin Yazīd, *Sunan Ibn Mājah* (taḥqīq Maḥmūd Muḥammad Maḥmud Ḥasan Nassār; Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1998).
- Al-Sālūs (2006), No.119 (2/13), 22 – 27 Disember 2001.
- Al-Syafi‘ī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Idrīs, *al-Umm* (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1993).
- Al-Zuḥaylī, Wahbah, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* (Damsyiq: Dār al-Fikr, 1996).

Statut

- Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan 1993.
- Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001.
- Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam (Selangor) 1989 (Pindaan 9/2001).
- Kaedah-kaedah Zakat dan Fitrah (Pahang) 1970.
- Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Perlis) (Pindaan) 1966.
- Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Perak) 1975.
- Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Johor) 1962.
- Peraturan Zakat dan Fitrah (Melaka) 1960.
- Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Kedah 1962 (Akta No. 9).
- Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor 1952 (Akta No.3).
- Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor 1952 (Akta No.3).
- Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1959 (Pindaan 1974).
- Undang-undang Zakat (Kedah) (1374) 1955 (Pindaan 6/1983).
- Zakat and Fitrah Rules (Pulau Pinang) 1979.

